



Kerusi roda khas untuk Muslim

Harian Metro
(7/4/07) (Sabtu)
ps: 17 (setempat).

Miliki ciri-ciri pacuan 4 roda ciptaan pakar UMP

>>Oleh Shahrul Nizam
Mohamad
am@hmetro.com.my

KUANTAN: Sekumpulan pakar Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan mencipta kerusi roda yang memiliki ciri-ciri kenderaan pacuan empat roda dan dilengkapi tali pinggang keselamatan untuk dihadihkan kepada remaja cacat yang dilahirkan tanpa kedua tangan dan kaki.

Kerusi roda itu akan membolehkan Mohd Muslim Roslan, 16, dari Felda Bukit Sagu 2, di sini, bergerak di luar rumah dan melalui kawasan berbukit tanpa mengharapkan pertolongan keluarganya.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP, Prof Madya Dr Rosli Abu Bakar, berkata pihaknya sedang mengenal pasti bantuan diperlukan remaja berkenaan sebelum mencipta kerusi roda khas itu.

"Sekumpulan enam pakar dari UMP akan mereka cipta bentuk kerusi roda berkenaan dan menentukan kosnya sebelum ia disiapkan dalam tempoh kira-kira empat bulan.

"Kami dapati Mohd Muslim perlukan kerusi roda khas bagi membolehkannya bergerak sendiri untuk keluar bertemu rakan berikutan sudah jemu berkurung dan bergolek dalam rumah selama 16 tahun," katanya.

Menurutnya, usaha untuk mereka cipta kerusi roda khas itu satu cabaran besar bagi pihaknya kerana satu-satunya alat yang dilengkapi ciri keselamatan serta



SIMPATI...Dr Rosli (kanan) memeriksa tubuh Mohd Muslim untuk mencipta kerusi roda khas, semalam.

kemudahan pacuan empat roda.

Katanya, pihaknya percaya usaha untuk mereka cipta kerusi roda khas itu amat sukar berbanding dengan kerusi yang dicipta untuk kegunaan murid kenit di Pekan, selain kosnya lebih mahal.

Dr Rosli berkata, pihaknya akan pergi semula ke rumah Mohd Muslim bagi mengukur berat badan dan ketinggian sebenar remaja itu untuk disesuaikan dengan kerusi roda yang akan diciptakan.

"Selain itu, kita juga akan mencipta kayu khas bagi memudahkan Mohd Muslim menggunakannya untuk membuka televisyen atau radio dan sudu yang bersesuaian untuk membolehkan Mohd Muslim makan sendiri menggunakan tiga jari kakinya," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, penderitaan Mohd Muslim yang terpaksa bergerak secara bergolek dalam dan luar rumah kerana

dilahirkan tanpa tangan dan kaki.

Lebih malang, remaja itu gagal meneruskan persekolahan kerana tiada sekolah yang sudi menerimanya berikutan kecacatannya.

Malah, dia juga tidak menerima sebarang bantuan daripada pihak berkaitan, termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sementara itu, Mohd Muslim berkata, dia terharu kerana UMP tampil membantu dan tidak sabar melihat kerusi roda khas yang bakal dicipta itu.

"Selama ini, saya hanya duduk depan pintu melihat rakan bermain di depan rumah namun selepas ini, mungkin saya boleh menyertai mereka tanpa membebankan sesiapa.

"Saya selalu berseorangan di rumah dan sudah biasa menguruskan diri sendiri walaupun terpaksa bergerak secara bergolek," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.